

## **PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM BAHASA KIASAN DARIPADA LAGU BAHASA INGGERIS KE BAHASA MELAYU**

**Ika Suzainna Let  
Rohaidah Kamarudin**  
Universiti Putra Malaysia

### **Abstrak**

Kajian ini mengenai penterjemahan unsur budaya dalam bahasa kiasan daripada lagu bahasa Inggeris iaitu 'Story of My Life' oleh kumpulan *One Direction* ke dalam bahasa Melayu. Bahasa kiasan wujud daripada pemikiran masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa. Oleh itu, bahasa kiasan ini bergantung kepada pemikiran sesebuah masyarakat dan hal ini mewujudkan unsur budaya dalam bahasa kiasan yang dicipta oleh sesebuah masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa. Oleh itu, hal ini selalu menimbulkan masalah kepada penterjemah untuk menentukan kaedah menterjemahkan bahan yang mengandungi unsur budaya. Hal ini memberi lompang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti kaedah penterjemahan yang digunakan oleh responden untuk menterjemah unsur budaya dalam bahasa kiasan bagi lirik lagu tersebut dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah penterjemahan yang digunakan oleh responden untuk menterjemahkan unsur budaya dalam bahasa kiasan yang terdapat dalam lirik lagu tersebut. Pengkaji menganalisis terjemahan yang dilakukan oleh 10 orang responden yang mengikuti kursus Interpretasi dan Terjemahan Rentas Budaya (BBN 3301) di Universiti Putra Malaysia (UPM). Kajian ini mendapati bahawa kaedah yang digunakan oleh responden ialah kaedah penggantian, kaedah pengguguran dan kaedah penyesuaian. Namun begitu, kaedah penggantian dan kaedah pengguguran merupakan kaedah yang paling popular digunakan dalam kalangan responden. Kaedah penggantian dan kaedah pengguguran tidak sesuai digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya iaitu bahasa kiasan dalam kajian ini. Pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah penterjemahan dalam kalangan responden ialah kurang pengetahuan tentang terjemahan, kurang pengetahuan tentang budaya bahasa sumber, sikap sambil lewa responden menterjemahkan data kajian yang diberikan, responden-responden tersebut bukanlah penutur jati bahasa inggeris dan kurangnya penguasaan bahasa sumber.

**Kata kunci:** Kaedah penterjemahan, unsur budaya dalam bahasa kiasan, lirik lagu, bahasa Inggeris, Bahasa Melayu.

### ***THE TRANSLATION OF CULTURAL ELEMENTS IN THE TRANSLATION OF ENGLISH SONG INTO MALAY***

#### ***Abstract***

*This research is about the translation of cultural elements in figurative language from English song which is 'Story of My Life' by One Direction into Malay. Figurative language is created from the thought of a society using a language. Hence, this figurative language depends on the thought of a society and this creates a cultural elements in figurative language that has been created by a society that using a certain language. Therefore, it always creates a problem for a translator to define the methods to translate the materials containing cultural elements. This has given the idea for the researcher to carry out this research. This research aimed to identify the methods applied by the respondents to translate the cultural elements in figurative language for the lyrics and to discuss the factors that influenced the choice of the translation methods for translating the cultural elements in*

*figurative language for the song lyrics. Researcher has analysed the translation made by 10 respondents who attended the Interpretasi dan Terjemahan Rentas Budaya (BBN 3301) course in University Putra Malaysia (UPM). This research found out that the methods used by the respondents are literal, deduction and adaptation. Literal and deduction methods are not suitable to translate the cultural elements which are figurative language in this research. Among the factors that influenced the choice of the methods of translation by the respondents are lacks of knowledge in translation, lack of knowledge about the culture of source language, attitude of the respondents. Furthermore, the respondents are not native speakers of English and lack of proficiency in English language.*

**Keywords:** *Translation methods, cultural elements in figurative language, song lyrics, English language, Malay language.*

## **PENGENALAN**

Penterjemahan merupakan proses mentafsir sesuatu teks dan menghasilkan semula teks tersebut dalam bahasa lain (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012). Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi (2006) dalam Norizah Ardi et.al (2011) mendefinisikan penterjemahan sebagai perbuatan memindahkan teks bertulis atau komunikasi lisan ke dalam bahasa lain.

Proses penterjemahan sebenarnya tidak semudah yang difikirkan. Semasa menterjemah sesuatu bahan, penterjemah perlu berhati-hati memilih kaedah penterjemahan agar terjemahan yang dilakukan tepat. Selain itu, penterjemah juga perlu memastikan maklumat yang ingin disampaikan melalui bahan asal dapat disampaikan dengan kesan yang sama melalui bahan yang diterjemahkan.

Salah satu cabaran terbesar dalam bidang penterjemahan ialah penterjemahan bahan yang mengandungi unsur budaya dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2013), budaya didefinisikan sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi (cara berfikir, berkelakuan, dsb). Menurut Newmark (1988) dalam Norizah Ardi et.al (2011), budaya merupakan cara hidup, amalan dan tradisi sesuatu bangsa dan masyarakat.

Norizah Ardi et.al (2011) menyatakan bahawa terdapat unsur budaya dalam bahasa kiasan. Menurut Norizah Ardi (2008) dalam Norizah Ardi et. al (2011), kiasan mempunyai maksud yang berbeza daripada maksud yang nyata atau mempunyai maksud tersurat. Menurut beliau lagi, biasanya perkataan yang dikiaskan itu tidak sama antara satu bahasa dengan bahasa lain kerana setiap bahasa mempunyai cara masing-masing untuk mencipta istilah berbentuk kiasan. Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2012), kiasan mempunyai makna figuratif. Menurut beliau lagi, banyak ungkapan figuratif tidak dapat diagak maknanya berdasarkan kedudukan ungkapan dalam ayat.

Selalunya, lirik-lirik lagu ditulis dengan menggunakan bahasa kiasan. Selain itu, bahasa kiasan turut digunakan supaya perasaan yang ingin disampaikan oleh penulis lirik dan penyanyi lagu dapat dirasai oleh pendengar. Sama seperti lirik lagu Melayu, lirik lagu Inggeris juga menggunakan bahasa kiasan. Bahasa kiasan mempunyai maksud tersurat di sebalik ayat. Oleh itu, penterjemah haruslah memilih kaedah penterjemahan yang paling sesuai semasa menterjemahkan unsur budaya yang terdapat dalam bahasa kiasan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah mengenal pasti kaedah penterjemahan yang digunakan oleh responden untuk menterjemah unsur budaya dalam bahasa kiasan bagi lirik lagu '*Story of My Life*' dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah penterjemahan yang digunakan oleh responden untuk menterjemahkan unsur budaya dalam bahasa kiasan yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

## **SKOP KAJIAN**

Kajian ini terbatas kepada kajian tentang kaedah penterjemahan yang digunakan oleh 10 orang responden semasa menterjemahkan empat unsur budaya dalam bahasa kiasan bagi rangkap pertama lirik lagu '*Story of My Life*' daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Kesemua responden

ini merupakan pelajar yang mengikuti kursus Interpretasi dan Terjemahan Rentas Budaya (BBN 3301) bagi sesi 2014/2015 di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Kajian tentang Kaedah Penterjemahan Unsur Budaya**

Beberapa kajian yang berkaitan dengan kaedah penterjemahan unsur budaya telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain.

Nor Eliza Abdul Rahman, Raja Hazirah Raja Sulaiman dan Najihah Abdul Wahid (2015) telah menjalankan kajian yang bertajuk 'Penterjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Drama *Flag of Truth*'. Hasil kajian ini mendapati bahawa kaedah literal, peminjaman, padanan fungsian, padanan budaya, modulasi dan kuplet digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya. Kaedah modulasi dan peminjaman kerap digunakan oleh penyari kata. Kajian ini juga mencadangkan kaedah asimilasi digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya yang sudah diserap ke dalam bahasa Melayu manakala kaedah literal digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya yang masih belum diserap ke dalam bahasa Melayu. Budaya Arab yang masih asing dalam masyarakat Melayu pula diterjemahkan mengikut kesesuaian makna, konteks ayat dan keperluan bagi menyampaikan mesej drama kepada penonton sasaran. Kajian ini juga mencadangkan supaya penyari kata memanfaatkan kewujudan visual semasa menterjemahkan unsur budaya.

Nur Hafeza Ahmad Marekan (2009) pula menjalankan kajian bertajuk 'Penterjemahan Unsur Budaya Bahasa Malaysia dalam *Hikayat Abdullah dan The Hikayat Abdullah*'. Pengkaji telah mengkategorikan unsur budaya berdasarkan Newmark (1998). Kajian ini mendapati kaedah adaptasi, peminjaman, penterjemahan linguistik (bukan budaya), persamaan budaya, penyejagatan mutlak, kuplet dan glos interaks. Kajian ini mencadangkan agar prosedur dan kaedah penterjemahan yang tepat digunakan untuk menterjemah unsur budaya supaya teks yang dihasilkan berkualiti dan difahami sepenuhnya.

Nurul Huda Mohd Saad, Zuraidah Jantan, dan Rozaimah Rashidin (2009) telah menjalankan kajian yang bertajuk 'Penterjemahan Bahasa Figuratif Inggeris-Melayu dalam Novel *Harry Potter and the Half-Blood Prince*'. Bahasa figuratif yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah peribahasa. Kajian ini mendapati peribahasa dikekalkan menjadi peribahasa apabila diterjemahkan dengan menggunakan kaedah literal dan kaedah menggantikan peribahasa tersebut dengan peribahasa dalam bahasa Melayu. Seterusnya, peribahasa turut diterjemahkan dengan terjemahan bukan peribahasa dalam bahasa Melayu iaitu diterjemahkan menggunakan kaedah terjemahan komunikatif. Kemudian, kajian ini juga mendapati istilah bukan peribahasa dalam bahasa Inggeris diterjemahkan menjadi peribahasa dalam bahasa Melayu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data kajian ini berbentuk kualitatif. Kajian ini merupakan sebuah kajian kes iaitu analisis kandungan dokumen. Pengkaji menganalisis data yang berbentuk teks terjemahan lirik lagu dari bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Data yang dikaji dalam kajian ini ialah unsur budaya dalam bahasa kiasan yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

Data kajian dianalisis berpandukan kaedah terjemahan yang diutarakan oleh Vinay dan Darbelnet (1977). Berdasarkan Vinay dan Darbelnet, terdapat tujuh kaedah terjemahan. Kaedah terjemahan ini dikategorikan kepada dua iaitu kaedah formal dan kaedah dinamik. Dalam kaedah formal terdapat pinjaman, peniruan dan penggantian. Dalam kaedah dinamik pula terdapat transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian.

## PERBINCANGAN

Jadual 1 di bawah merupakan rangkap lagu yang diterjemahkan oleh 10 orang responden serta unsur budaya yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

**Jadual 1: Unsur Budaya dalam Lirik Lagu**

Ayat	Lirik Lagu	Unsur budaya dalam bahasa kiasan
1	<i>Written in these walls are the stories that I can't explain</i>	<i>'Written in these walls'</i>
2	<i>I leave my heart open but it stays right here empty for days</i>	<i>'I leave my heart open'</i>
3	<i>She told me in the morning she don't feel the same about us in her bones</i>	<i>'in her bones'</i>
4	<i>Seems to me that when I die these words will be written on my stone</i>	<i>'written on my stone'</i>

Berikut pula merupakan jadual yang menunjukkan terjemahan serta kaedah yang digunakan untuk menterjemahkan keempat-empat unsur budaya tersebut:

**Jadual 2: Terjemahan Unsur Budaya Pertama**

Bil.	Terjemahan	Kaedah Penterjemahan
1	Tertulis di dinding-dinding ini adalah kisah-kisah yang tidak dapat kujelaskan.	Penggantian
2	Cerita ini tidak dapat kuungkapkan melalui kata-kata.	Pengguguran
3	Terpahat di dinding ini, kisah yang tak dapat kusampaikan.	Penggantian
4	Tertulisnya cerita di dinding yang sukar ku gambar.	Penggantian
5	Dinding ini menjadi saksi kisah-kisah yang tidak dapat aku jelaskan.	Penyesuaian
6	Dinding ini menjadi saksi kisah yang sukar diceritakan.	Penyesuaian
7	Dinding-dinding ini sudah tertulis pelbagai cerita yang tak mampu aku berbicara.	Penggantian
8	Tidak dapat kuungkap dengan bait-bait kata apa yang tersemat di hati.	Pengguguran
9	Cerita yang tidak dapat kugambarkan hanya tinggal ukiran sahaja.	Pengguguran
10	Setiap cerita yang tertulis di dinding tidak dapat aku luahkan.	Penggantian

Berdasarkan Jadual 2, seramai lima orang responden telah menterjemahkan *'written in these walls'* menggunakan kaedah penggantian manakala tiga orang pula telah menggunakan kaedah pengguguran. Seramai dua orang lagi menggunakan kaedah penyesuaian.

*'Written in these walls'* lebih sesuai diterjemahkan dengan menggunakan kaedah penyesuaian. Contohnya, sekiranya unsur budaya ini diterjemahkan menggunakan kaedah penggantian, terjemahannya akan menjadi *'tertulis di dinding-dinding ini adalah kisah-kisah yang tidak dapat ku jelaskan'*. Manakala sekiranya menggunakan kaedah pengguguran, unsur budaya ini tidak akan diterjemahkan. Hal ini bertentangan dengan visual yang ditunjukkan dalam muzik video lagu ini. Dalam muzik video, visual menunjukkan gambar-gambar tergantung di dinding semasa *'written in these walls'* dinyanyikan. Jadi, pengkaji bersetuju sekiranya unsur budaya ini diterjemahkan menjadi *'dinding ini menjadi saksi kisah-kisah yang tidak dapat aku jelaskan'*.

**Jadual 3: Terjemahan Unsur Budaya Kedua**

<b>Bil.</b>	<b>Terjemahan</b>	<b>Kaedah penterjemahan</b>
1	Hatiku dibiarkan terbuka namun tetap kosong melompong seketika.	Penggantian
2	Aku biarkan hatiku terbuka namun masih juga kosong sehingga hari ini.	Penggantian
3	Tiada apa juga yang dapat menggantikan kekosongan di hati ini.	Pengguguran
4	Aku membuka hatiku tetapi ia tetap kosong tak berpenghuni untuk sekian lama.	Penggantian
5	Hati ini kubiarkan sepi seketika.	Pengguguran
6	Kubiarkan hatiku terbuka tapi ia kontang dimamah hari.	Penggantian
7	Kubiarkan hatiku terbuka tetapi ia kekal kosong sehari-harian.	Penggantian
8	Hatiku terbuka tetapi hatiku tetap sepi untuk beberapa hari.	Penggantian
9	Meski hati ini terbuka namun kosong di dalamnya.	Penggantian
10	Kubiarkan hatiku terbuka namun ianya tetap jua kosong dan kekal begitu.	Penggantian

Berdasarkan Jadual 3, seramai lapan orang responden menterjemahkan '*I leave my heart open*' dengan menggunakan kaedah penggantian manakala dua orang responden menggunakan kaedah pengguguran. Didapati tiada responden menggunakan kaedah penyesuaian.

Pengkaji turut mencadangkan agar unsur budaya ini diterjemahkan dengan menggunakan kaedah penyesuaian. Unsur budaya ini tidak sesuai diterjemahkan secara penggantian dan pengguguran. Pengkaji mencadangkan agar '*I leave my heart open*' diterjemahkan sebagai 'aku redha'. Hal ini kerana terdapat satu peribahasa dalam bahasa Inggeris iaitu '*open you heart*' yang bermaksud menunjukkan perasaan sebenar atau meluahkan perasaan sebenar. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan terjemahannya ialah 'aku redha tetapi hatiku kesunyian berhari-hari.

**Jadual 4: Terjemahan Unsur Budaya Ketiga**

<b>Bil</b>	<b>Terjemahan</b>	<b>Kaedah Penterjemahan</b>
1	Dia khabarkan pada pagi hari itu dia tidak punyai rasa yang sama	Pengguguran
2	Katanya tiada lagi rasa cinta yang sama	Pengguguran
3	Suatu pagi dia memberitahuku bahawa dia tiada perasaan cinta yang sama terhadapku seperti dahulu	Pengguguran
4	Dia memberitahu aku pagi ini bahawa dia tidak merasa yang sama tentang kita dalam tulangnya	Penggantian
5	Dia memberitahuku pada suatu pagi bahawa kami tiada perasaan yang sama	Pengguguran
6	Di suatu pagi dia memberitahuku bahawa dia merasa kami tidak sama seperti dulu	Pengguguran
7	Paginya dia memberitahuku tiada lagi perasaan di hati terpalit	Pengguguran
8	Dia mengatakan yang dia tidak merasakan perkara yang sama seperti mana aku	Pengguguran
9	Tatkala di pagi hari dia memberitahuku perasaannya tentang kami sudah tidak sama	Pengguguran
10	Pada suatu pagi dia menyatakan sejujurnya bahawa dia tidak mempunyai perasaan yang sama seperti mana yang aku rasakan tentang kami	Pengguguran

Berdasarkan Jadual 4, hanya seorang responden menterjemahkan ‘*in her bones*’ menggunakan kaedah penggantian dan sembilan orang lagi menggunakan kaedah pengguguran. Didapati bahawa tiada responden yang menggunakan kaedah penyesuaian.

Bagi unsur budaya ini, pengkaji mencadangkan supaya diterjemahkan dengan menggunakan kaedah penyesuaian. Dalam bahasa Inggeris, terdapat peribahasa iaitu ‘*feel it in (one’s) bones*’ yang bermaksud perasaan yang kuat tentang sesuatu. Ada dalam kalangan responden ini yang menterjemahkan ‘*in her bones*’ sebagai ‘dalam tulangnya’. Terjemahan ini tidak membawa sebarang makna dalam bahasa Melayu dan mampu menimbulkan kekeliruan dan ketidakfahaman makna dalam kalangan pembaca sasaran. Menurut S. Vijayaletchumy (2011), kesilapan atau ralat semasa peringkat-peringkat tertentu dalam proses terjemahan termasuk kesilapan dalam mentafsir, makna yang tidak sampai, kesilapan ejaan dan pemahaman teks mampu menyebabkan konflik dalam kalangan pembaca. Dalam bahasa Inggeris, terdapat peribahasa ‘*feel in one’s bones*’ yang bermaksud ‘perasaan yang mendalam tentang sesuatu’. Jadi, cadangan terjemahan oleh pengkaji bagi klausa ini ialah ‘sedalam-dalamnya’.

**Jadual 5: Terjemahan Unsur Budaya Keempat**

<b>Bil.</b>	<b>Terjemahan</b>	<b>Kaedah Penterjemahan</b>
1	Akan kubawa rasa itu sehingga kumati	Penyesuaian
2	Seakan-akan kata-katanya akan dipahat di batu nisanku nanti	Penggantian
3	Apabila kumati kata-kata tersebut akan terpahat di kuburku	Penggantian
4	Sepertinya kata-kata ini akan diabadikan di batu nisankan sebagai tanda	Penggantian
5	Kata-kata itu akan aku ingat hingga aku mati	Penyesuaian
6	Bagiku kata-kata itu akan kekal dalam ingatan sehingga aku mati	Penyesuaian
7	Dan aku dapat merasakan apabila aku lenyap dari bumi ini, ungkapan itu akan terus tertulis di batu nisanku	Penggantian
8	Sama seperti aku apabila aku mati kata-kata ini akan tertulis di atas batu nisanku	Penggantian
9	Dan katanya menyergah, terukir di pusara	Penggantian
10	Bagi aku apabila kumati perkataan ini akan ditulis atas batu nisanku	Penggantian

Berdasarkan Jadual 5, didapati terdapat tujuh orang responden menterjemahkan ‘*written on my stone*’ menggunakan kaedah penggantian manakala tiga orang lagi menggunakan kaedah penyesuaian. Tiada responden yang menterjemahkannya menggunakan kaedah pengguguran.

Majoriti responden menterjemahkan unsur budaya menggunakan kaedah penggantian. Unsur budaya ini tidak boleh diterjemahkan menjadi ‘terpahat di batu nisan’ kerana mampu mengelirukan penutur bahasa Melayu kerana bertentangan dengan budaya masyarakat Melayu. Batu nisan masyarakat Melayu hanya diukir dengan nama orang yang meninggal, tarikh lahir dan tarikh kematian. Menurut Lim Lay Lin (2003) dalam Norizah Ardi *et al.*, (2011), makna sesuatu perkataan perlu disesuaikan mengikut konteks budaya bahasa sasaran, iaitu makna asal perlu disesuaikan dengan mengutamakan keperluan, kefahaman dan kebolehbacaan pembaca sasaran. Dalam bahasa Inggeris pula terdapat peribahasa yang juga berkait dengan perkataan ‘*stone*’ iaitu peribahasa ‘*carved in stone*’ yang membawa maksud ‘sudah ditetapkan’ atau ‘tidak boleh diubah’. Oleh itu, pengkaji mencadangkan klausa ‘*written on my stone*’ ini diterjemahkan menjadi ‘akan ku ingat sampai mati’.

Berdasarkan data yang dianalisis, terdapat tiga kaedah penterjemahan yang digunakan oleh responden semasa menterjemahkan unsur budaya iaitu bahasa kiasan dalam lirik lagu tersebut. Ketiga-tiga kaedah tersebut ialah kaedah penggantian, kaedah pengguguran dan kaedah penyesuaian.

**a. Kaedah Penggantian**

Kaedah penggantian ialah kaedah di mana perkataan-perkataan dalam bahasa sumber diterjemahkan secara perkataan demi perkataan ke dalam bahasa sasaran. Kaedah penggantian juga dikenali sebagai kaedah literal dan kaedah harfiah. Menurut Newmark (1988) dalam Norizah Ardi *et al.*, (2011), penterjemah perlu mengelakkan daripada menggunakan kaedah penterjemahan literal apabila menterjemahkan sesuatu unsur budaya. Penterjemahan literal berkemungkinan boleh mengakibatkan maksud sesuatu perkataan itu menyimpang daripada maksudnya yang sebenar.

**b. Kaedah Pengguguran**

Kaedah pengguguran ialah kaedah di mana perkataan-perkataan tertentu digugurkan dengan cara tidak diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Kaedah pengguguran digunakan untuk menggugurkan maklumat terutamanya maklumat yang melibatkan isu-isu keagamaan atau kebudayaan dalam sesebuah masyarakat (Norizah Ardi *et al.*, 2011).

**c. Kaedah Penyesuaian**

Kaedah penyesuaian ialah penggantian yang dilakukan terhadap perbezaan budaya yang terdapat dalam dua bahasa (Norizah Ardi *et al.*, 2011). Kaedah penyesuaian merupakan kaedah yang paling sesuai untuk menterjemahkan bahasa kiasan supaya maknanya menjadi lebih jelas dan mudah difahami (Norizah Ardi *et al.*, 2011).

Berdasarkan objektif pertama, pengkaji mendapati bahawa kaedah yang paling popular digunakan oleh responden dalam penterjemahan unsur budaya ialah kaedah penggantian dan kaedah pengguguran. Kedua-kedua kaedah ini tidak sesuai untuk menterjemahkan unsur budaya seperti bahasa kiasan. Hal ini menyebabkan maksud yang cuba disampaikan dari bahasa sumber tidak dapat disampaikan dalam bahasa sasaran. Kaedah yang lebih sesuai ialah kaedah penyesuaian.

Berdasarkan objektif kedua pula, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah penterjemahan dalam kalangan responden.

Faktor pertama ialah kurang pengetahuan tentang terjemahan. Menurut Ainon Muhammad (1987), ramai orang menyangka bahawa penterjemahan sekadar proses menggantikan satu perkataan lain dalam bahasa penerima kerana bahasa itu terdiri perkataan-perkataan. Oleh itu, berdasarkan kajian ini pengkaji mendapati kaedah yang paling popular digunakan semasa menterjemahkan bahasa kiasan yang berunsur budaya ialah kaedah penggantian dan pengguguran. Responden menggunakan kaedah penggantian kerana mereka berpendapat bahawa proses penterjemahan hanya proses menggantikan perkataan-perkataan dari bahasa sumber ke dalam perkataan-perkataan dalam bahasa penerima atau bahasa sasaran. Responden turut gemar menggunakan kaedah pengguguran kerana kaedah pengguguran mudah. Mereka hanya perlu menggugurkan unsur budaya tersebut. Hal ini menunjukkan responden kurang pengetahuan tentang terjemahan kerana unsur budaya seperti itu tidak boleh digugurkan sewenang-wenangnya. Kaedah pengguguran hanya digunakan apabila melibatkan isu-isu yang sensitif contohnya isu agama, bangsa dan sebagainya. Kaedah pengguguran yang digunakan oleh responden pula hanya akan menghilangkan mesej dan emosi yang cuba untuk disampaikan melalui lagu tersebut.

Faktor kedua ialah kurang pengetahuan tentang budaya bahasa sumber. Dalam kajian ini, bahasa sumber ialah bahasa Inggeris. Penggunaan kaedah penggantian dan pengguguran semasa menterjemahkan unsur budaya dalam bahasa kiasan ini membuktikan bahawa responden tidak benar-benar menguasai budaya sumber. Responden tidak menyedari bahawa bahasa kiasan merupakan salah satu unsur budaya. Menurut Norizah Ardi *et al.*, (2011), setiap bahasa mempunyai tersendiri untuk mencipta istilah berbentuk kiasan dan kebiasaannya perkataan yang dikiaskan itu tidak sama dengan bahasa yang lain. Hal ini jelas menekankan bahawa kiasan dalam sesuatu bahasa berbeza maksudnya dengan bahasa yang lain. Jadi, perbezaan inilah yang menjadikan kiasan juga dikategorikan sebagai salah satu unsur budaya yang perlu diterjemahkan dengan menggunakan kaedah yang sesuai.

Faktor ketiga ialah sikap sambil lewa responden menterjemahkan data kajian yang diberikan. Semasa melakukan terjemahan, para responden dibenarkan untuk melayari internet bagi membantu

proses penterjemahan. Tetapi, berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji mendapati kebanyakan responden menterjemahkan ayat-ayat tersebut menggunakan kaedah penggantian, iaitu mengikut makna kamus sahaja. Selain itu, responden juga kebanyakannya memilih untuk menggunakan kaedah pengguguran iaitu dengan tidak menterjemahkan unsur budaya tersebut. Hal ini jelas membuktikan sikap sambil lewa responden dalam melakukan penterjemahan.

Faktor keempat ialah responden-responden tersebut bukanlah penutur jati bahasa inggeris. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan responden boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan fasih dan lancar. Tetapi, untuk menguasai sesuatu bahasa kedua dengan lebih baik, seseorang itu perlu bergaul dengan penutur jati sesuatu bahasa tersebut. Selain itu, seseorang itu juga perlu hidup dalam kelompok penutur jati sesuatu bahasa tersebut supaya mampu menguasai sesuatu bahasa bukan sahaja dari segi sebutan dan tatabahasa yang tepat tetapi juga dari konteks yang lebih meluas seperti budaya.

Faktor kelima ialah kurangnya penguasaan bahasa sumber. Dalam kajian ini, bahasa Inggeris merupakan bahasa sumber yang dimaksudkan. Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2008) menyatakan bahawa kemampuan seseorang menterjemah simpulan bahasa dari satu bahasa ke bahasa lain bergantung pada penguasaan bahasa sumber kerana pengetahuan tentang makna-makna kamus sesuatu perkataan ataupun pengetahuan tentang tatabahasa tidak dapat memberitahu makna sesuatu simpulan bahasa, lebih-lebih lagi jika sesuatu simpulan bahasa itu bukan jenis perumpamaan. Maksudnya, penguasaan terhadap sesuatu tidak hanya meliputi pengetahuan berkaitan makna-makna setiap perkataan mengikut makna kamus dan penguasaan tatabahasa sesuatu bahasa itu sahaja tetapi juga seseorang itu perlu mendalami dengan lebih mendalam tentang peraturan-peraturan lain dalam sesuatu bahasa itu. Contohnya, seseorang itu mestilah boleh membezakan makna sesuatu perkataan mengikut konteks yang sesuai.

## **RUJUKAN**

- Ainon Muhammad (1987). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Eliza Abdul Rahman, Raja Hazirah Raja Sulaiman dan Najihah Abdul Wahid. 2015. *Penterjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Drama Flag of Truth*. International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21<sup>st</sup> Century: 660-676.
- Nur Hafeeza Ahmad Marekan. 2009. *Kelestarian Bidang Penterjemahan: Penterjemahan Unsur Budaya Bahasa Malaysia dalam Hikayat Abdullah dan The Hikayat Abdullah*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12: 546-559.
- Nurul Huda Mohd Saad, Zuraidah Jantan dan Rozaimah Rashidin. 2009. *Kelestarian Bidang Penterjemahan: Penterjemahan Bahasa Figuratif Inggeris-Melayu dalam Novel Harry Potter and the Half-Blood Prince*. Persidangan Penterjemaha Antarabangsa ke-12: 318-326.
- Norizah Ardi *et al.*, 2011. *Asas dan Kemahiran Menterjemah*. Selangor: August Publishing Sdn Bhd.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- S.Vijayaletchumy (2011). *Terjemahan Peribahasa Bahasa Inggeris dalam Konteks Leksikal*. Universiti Putra Malaysia: Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII
- The Free Dictionary. Diakses pada 26 April 2017 dari laman web <http://idioms.thefreedictionary.com/open+heart>
- The Free Dictionary. Diakses pada 26 April 2017 dari laman web <http://idioms.thefreedictionary.com/feel+it+in+her+bones>
- The Free Dictionary. Diakses pada 26 April 2017 dari laman web <http://idioms.thefreedictionary.com/written+in+stone>